

# **PEDOMAN BAHASA**

## PRAKATA

Salah satu khidmat yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menyelesaikan masalah bahasa yang dihadapi oleh pengguna bahasa ialah Khidmat Nasihat Bahasa (KNB). Melalui KNB pelbagai pertanyaan tentang bahasa, seperti penggunaan ejaan Rumi dan Jawi yang betul; penggunaan istilah yang tepat; serta penyemakan tatabahasa boleh dikemukakan oleh pengguna bahasa.

Untuk terbitan pertama Pedoman Bahasa pada kali ini, kami mencuba mendedahkan beberapa kekeliruan dan pertanyaan bahasa yang pernah dikemukakan oleh pengguna bahasa, serta jawapan bagi kekeliruan dan pertanyaan tersebut.

Pedoman Bahasa merupakan kesinambungan daripada terbitan kami yang sebelumnya, iaitu risalah Ke Arah Bahasa Melayu yang Berkesan. Terbitan pertama ini menjurus kepada 3 bahagian:

- i. Kekeliruan Ejaan: Yang Dipertua, Yang di-Pertua, Yang Dipertuan, dan Yang di-Pertuan
- ii. Soal Jawab Masalah Tatabahasa
- iii. Kata dan Makna

Kami berharap, pedoman ini dapat membantu pengguna bahasa mengurangkan kesalahan penggunaan bahasa.

Sekian, terima kasih.

“BAHASA JIWA BANGSA”

“CINTAILAH BAHASA KITA”

(HAJAH ZAITON BINTI AB. RAHMAN)

Ketua Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam,  
Jabatan Bahasa,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

## BAHAGIAN 1

### Kekeliruan Ejaan: Yang Dipertua, Yang di-Pertua, Yang Dipertuan dan Yang di-Pertuan

Pengguna bahasa Melayu masih lagi keliru mengeja frasa Yang Dipertua, Yang di-Pertua, Yang Dipertuan, dan Yang di-Pertuan. Kekeliruan ini mungkin disebabkan oleh ketidakselarasan penggunaan frasa tersebut, terutamanya dalam media cetak seperti akhbar dan majalah.

Mulai tahun 2000, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka melalui Jawatankuasa Biro Pengaduan Bahasa telah memutuskan untuk menyelaraskan ejaan bagi frasa tersebut. Tiga bentuk penulisan yang betul telah diputuskan, iaitu Yang Dipertua, Yang di-Pertua, dan Yang di-Pertuan, manakala ejaan Yang Dipertuan dianggap salah. Penggunaan ketiga-tiga frasa tersebut adalah khusus untuk jawatan atau pangkat tertentu.

Frasa Yang Dipertua digunakan khusus untuk ketua bagi sesuatu organisasi atau pertubuhan, contohnya:

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu  
Yang Dipertua Dewan Perniagaan Cinta Malaysia  
Yang Dipertua Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia

Bagi ketua dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat dan Dewan Negeri, frasa yang digunakan ialah frasa Yang di-Pertua, contohnya:

Yang di-Pertua Dewan Negara  
Yang di-Pertua Dewan Negeri  
Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Frasa Yang di-Pertuan pula digunakan khusus untuk ketua negara dan ketua negeri, contohnya:

Yang di-Pertuan Agong

Yang di-Pertuan Negeri

Yang di-Pertuan Besar

Penggunaan bentuk ejaan Yang di-Pertuan dan Yang di-Pertuan ini adalah selaras dengan bentuk yang digunakan secara rasmi oleh Jabatan Perdana Menteri dan bentuk ini juga telah digunakan dalam Perlembagaan Persekutuan.

## BAHAGIAN 2

### Soal Jawab Masalah Tatabahasa

Bahagian Pengembangan Bahasa Sektor Awam, melalui Khidmat Nasihat Bahasa selalu menerima pelbagai pertanyaan bahasa, seperti tatabahasa bahasa Melayu. Antara pertanyaan yang diterima dan jawapan yang telah diberikan termasuklah:

1. Adakah panggilan dalam teks ucapan ditulis dengan huruf besar?

Contohnya:

Tuan pengerusi majlis, yang berusaha guru besar,  
guru-guru dan rakan-rakan sekalian...

Jawapan

Menurut peraturannya, kata nama am tidak dieja dengan huruf besar (huruf pertamanya). Jadi, "Tuan pengerusi majlis, yang berusaha guru besar, guru-guru dan rakan-rakan" sepatutnya ditulis dengan huruf kecil. Walau bagaimanapun, dalam teks ucapan, tuan pengerusi majlis dan yang berusaha guru besar *boleh ditulis dengan huruf besar* (pada pangkalnya sahaja) kerana kata tersebut dijadikan panggilan khas untuk merujuk orang tertentu yang berada dalam sesuatu majlis. Maka, huruf besar boleh digunakan seperti dalam nama khas untuk kata Tuan Pengerusi Majlis dan Yang Berusaha Guru Besar, kecuali untuk kata guru-guru dan rakan-rakan kerana kata tersebut ditujukan secara umum kepada yang hadir dalam majlis tersebut.

2. Adakah tanda koma perlu wujud di hadapan perkataan dan bagi menjelaskan perkara yang lebih daripada dua? Contohnya:

Ali telah membeli sebuah buku, sebatang pembaris, dan segulung kad manila.

Jawapan

Untuk ayat di atas, tanda koma tidak diperlukan sebelum kata dan kerana ayat tersebut merupakan ayat majmuk biasa (setara). Walau bagaimanapun, tidak salah sekiranya tanda koma digunakan kerana tidak menimbulkan perubahan dari segi maknanya dan ini hanyalah melibatkan gaya penulisan.

Sekiranya ayat majmuk ini terdiri daripada dua ayat inti setara, tanda koma sebelum dan tidak diperlukan sama sekali. Contohnya:

- (a) Dia membeli buku *Tatabahasa Dewan* dan *Kamus Pelajar*.
- (b) Dia suka makan buah rambutan dan langsung.

Walaupun bagaimanapun, tanda koma boleh diletakkan sebelum dan jika pemisah bahagian ayat itu perlu dibuat untuk mengelakkan kekeliruan makna. Contohnya:

- (c) Setakat ini, kita sudah membina beberapa prosedur dan tatacara untuk melaksanakan projek tersebut, dan prosedur yang kita gunakan ini sudah diterima pakai oleh beberapa buah institusi negara ini.
- (d) Antara buku yang laris jualanannya termasuklah *Kamus Dewan*, *Kamus Pelajar*, *Pedoman Ejaan* dan *Sebutan Baku*, dan *Tatabahasa Dewan*.

3. Pesalah itu dijatuhkan hukuman gantung sampai mati oleh hakim kerana mengedar dadah.

Mengapakah ayat tersebut salah? Apakah penjelasannya?

Jawapan

Kesalahan ayat tersebut adalah pada kata dijatuhkan. Ayat tersebut sekiranya diaktifkan akan menjadi:

Hakim menjatuhkan pesalah itu hukuman gantung sampai mati kerana mengedar dadah.

Ayat ini bermakna bahawa yang jatuh ialah pesalah bukannya hukuman gantung sampai mati. Sepatutnya, yang jatuh ialah hukuman dan pesalah yang menerimanya. Ayat tersebut sepatutnya:

- (a) Pesalah itu dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh hakim kerana mengedar dadah.
  - (b) Hukuman gantung sampai mati dijatuhkan oleh hakim kepada pesalah itu kerana mengedar dadah.
4. (a) Cikgu Marhan mengajarkan Sejarah di Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman.
- (b) Cikgu Marhan mengajar Sejarah di Sekolah Menengah Tunku Abdul Rahman.

Antara ayat (a) dengan ayat (b), yang manakah yang betul? Sila berikan penjelasan:

Jawapan

Menurut *Kamus Pelajar Terbitan Khas KBSM* (2002:7), kata mengajarkan bermakna memberikan sesuatu sebagai pelajaran kepada seseorang.

Kata mengajar pula (Kamus Dewan, 1994 : 16) bermakna

1. menyampaikan ilmu pengetahuan (kemahiran dsb.) kepada orang lain, mendidik, melatih, memberikan petunjuk-petunjuk kepada;
2. membaiki kelakuan dengan memberi nasihat dsb., mendidik;
3. membuat seseorang melakukan sesuatu berdasarkan pengalaman dsb. yang telah diperolehnya;
4. memarahi (memukul seseorang) supaya jera (tidak melakukan sesuatu).

Jadi, jika dilihat pada makna, ayat (a) adalah paling tepat kerana kata mengajar seharusnya diikuti objek hidup (manusia). Jadi, ayat (b) mengikut makna 1. dan 2. akan memberikan makna Cikgu Marhan mendidik atau melatih Sejarah, sedangkan Sejarah bukannya manusia (yang boleh dididik).

5. (a) Ibu menghidangkan rakan-rakan saya pelbagai masakan yang lazat.  
(b) Ibu menghidangi rakan-rakan saya pelbagai masakan yang lazat. Antara ayat (a) dan (b), ayat manakah yang betul?

Jawapan

Kata menghidangkan menurut *Kamus Dewan* (1994:453) bermakna menyajikan atau menyediakan makanan (minuman dll.). Hal ini bermakna yang dihidangkan ialah makanan.

Jadi, ayat "Ibu menghidangkan rakan-rakan saya pelbagai masakan yang lazat." Adalah salah dari segi maknanya kerana yang dihidangkan ialah pelbagai masakan bukannya rakan-rakan (rakan-rakan menerima hidangan bukannya sebagai hidangan).

Ayat yang tepat ialah "Ibu menghidangi rakan-rakan saya pelbagai masakan yang lazat."



6. **Orang Penan di pedalaman Sarawak suka berpindah-randah dari suatu tempat ke suatu tempat.**

Bolehkah dijelaskan apakah kesalahan ayat ini?

### **Jawapan**

Kesalahan ayat di atas terletak pada kata **berpindah-randah** kerana kata berpindah-randah sudah pun **mengandungi makna dari suatu tempat ke suatu tempat** (berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat).

Jadi, ayat di atas sepatutnya:

**Orang Penan di pedalaman Sarawak suka berpindah dari suatu tempat ke suatu tempat.**

atau,

**Orang Penan di pedalaman Sarawak suka berpindah-randah.**

7. Rumah di lereng bukit itu **amat cantik** dan **amat mahal**.

Adakah betul jika ayat di atas ditulis "Rumah di lereng bukit itu

**amat cantik** dan **mahal**"?

Jika salah, apakah alasannya?

### **Jawapan**

Kedua-dua ayat tersebut **betul** tetapi **maknanya berbeza**.

"Rumah di lereng bukit itu amat cantik dan amat mahal" bermakna:

(a) Rumah di lereng bukit itu **amat cantik**.

(b) Rumah di lereng bukit itu **amat mahal**.

Sedangkan ayat “Rumah di lereng bukit itu amat cantik dan mahal” bermakna:

(c) Rumah di lereng bukit itu **amat cantik**.

(d) Rumah di lereng bukit itu **mahal**.

Hal ini bermakna rumah tersebut **hanya mahal**, tidak amat mahal.

## BAHAGIAN 3

### Kata dan Makna

Penjelasan tentang kekeliruan ejaan dan makna sesuatu perkataan adalah seperti yang berikut:

<p><b>mencolok mata</b> dan <b>menjolak mata</b></p>	<p>Menurut Kamus Dewan (1994: 245), kata <b>mencolok mata</b> bermakna 1. mencucuk mata; 2. <b>(bahasa kiasan) tampak jelas, kelihatan jelas benar</b>, 3. membangkitkan marah orang yang melihat, menyakitkan hati, memberi malu.</p> <p>Kata <b>menjolak</b> pula bermakna 1. <b>menusuk</b> (merodok) sesuatu dengan galah dll. supaya gugur, menusuk ke dalam lubang dll. 2. <b>memasukkan</b> jari tangan ke dalam lubang hidung (kerongkong dll.); 3. <b>memancing-mancing</b> keterangan dll.; daripada orang, <b>mengajuk</b> atau <b>menduga</b> hati.</p> <p>Jadi, antara <b>mencolok mata</b> dengan <b>menjolak mata</b>, yang tepat ialah <b>mencolok mata</b>, iaitu bahasa kiasan yang bermakna <b>tampak jelas</b> atau <b>kelihatan jelas benar</b>. Contoh penggunaannya:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Kakitangan kerajaan dilarang memakai pakaian yang <b>mencolok mata</b> semasa bekerja di pejabat.</li></ul>
--	---

<p><b>merbahaya</b> atau <b>berbahaya</b></p>	<p>Kata tersebut berasal daripada kata dasarbahaya dan menerima awalan. Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu tidak ada awalan mer-. Jadi, ejaan yang tepat ialah berbahaya.</p>
<p><b>sri</b> dan <b>seri</b></p>	<p>Kata <b>sri</b> sebenarnya digunakan untuk gelaran kehormat <b>Tan Sri</b> dan <b>Puan Sri</b> sahaja. Selain kegunaan gelaran kehormat tersebut, kata yang sepatutnya digunakan ialah <b>seri</b> sama ada untuk gelaran kehormat (seperti Dato' Seri, Datin Seri dan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong) ataupun untuk menggambarkan keadaan atau suasana (seperti seri rumah, seri taman dan seri muka).</p>
<p><b>Diraja, di-Raja</b> atau <b>di Raja</b></p>	<p><i>Menurut Kamus Dewan (1994:307)</i>, kata <b>diraja</b> ialah kata yang digunakan dalam <i>sastera lama</i>, iaitu kata yang berasal daripada kata <b>adiraja</b>. Oleh sebab itu, kata tersebut ditulis secara serangkai (satu perkataan yang utuh), contohnya Polis Diraja Malaysia, kerabat diraja dan panji-panji diraja.</p>
<p><b>prasarana, infrastruktur</b> dan <b>kemudahan asas</b></p>	<p>Ketiga-tiga kata ini sebenarnya bersinonim dan bermaksud keseluruhan kemudahan dan erkhidmatan asas yang perlu bagi pembangunan dan kemajuan. Kata tersebut sepatutnya tidak digunakan secara serentak sebagai satu frasa seperti kemudahan infrastruktur dan kemudahan prasarana kerana dalam kata infrastruktur dan prasarana sudah terangkum makna kemudahan.</p>

<p><b>laman dan halaman</b></p>	<p>Menurut Kamus Dewan (1994: 752), kata laman ialah kependekan daripada kata halaman dan digunakan dalam bahasa percakapan. Walau bagaimanapun, sekarang maknanya telah diperluas dan telah digunakan dalam istilah teknologi maklumat, iaitu sebagai padanan bagi home page, manakala halaman pula bermaksud (Kamus Dewan, 1994: 430)</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. perkarangan rumah, tanah (kawasan lapang) di hadapan rumah; dan</li> <li>2. muka buku (majalah, surat khabar dll.).</li> </ol> <p>Contoh penggunaannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maklumat tentang Dewan Bahasa dan Pustaka dapat kita peroleh daripada internet melalui <b>Laman</b> Dewan</li> <li>• <b>Halaman</b> rumahnya sentiasa bersih.</li> <li>• Berita tentang kejayaan Hafiz tersiar di <b>halaman</b> depan akhbar Berita Harian.</li> </ul>
<p><b>oleh kerana atau oleh sebab</b></p>	<p>Kata oleh ialah kata sendi nama, kerana ialah kata hubung, dan sebab ialah kata nama. Dalam bahasa Melayu, frasa sendi nama harus diikuti oleh kata nama. Jadi, frasa yang sepatutnya digunakan ialah oleh sebab, bukannya oleh kerana. Contoh penggunaannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Oleh sebab jumlah kemalangan jalan raya meningkat pada setiap musim</li> </ul>

	<p>perayaan, pihak polis mengadakan operasi sekatan jalan raya dan menasihati pemandu kenderaan supaya berhati-hati semasa memandu.</p>
<b>iltizam</b>	<p>Kata iltizam ialah kata serapan daripada bahasa Arab (Kamus Dewan 1994: 483) yang bermakna 1. keteribatan secara bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab dalam melaksanakan sesuatu, komitmen; 2. nyata berupa persetujuan (perjanjian) yang menyebabkan seseorang (sesuatu pihak) terikat (berazam) untuk melakukan sesuatu. Contoh penggunaannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Usaha mengembangkan bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka perlu disertai oleh <b>iltizam</b> daripada semua pihak.</li> </ul> <p>Para pengeluar barangan kini menjadikan khidmat mesra dan bermutu sebagai satu daripada <b>iltizam</b> dalam piagam pelanggan mereka.</p>
<b>mantan</b>	<p>Kata mantan sebenarnya merupakan Kata serapan daripada bahasa Indonesia, Dan bermakna bekas (dahulunya/pernah menjadi). Contoh penggunaannya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tun Ghafar Baba ialah mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia.</li> <li>• Beliau mantan guru saya.</li> </ul>